



فجابه فغاره تانه دان كالىن ترغكانو.
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 & 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon: 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3114
Fax : 09-6229887

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 3/1996

MELULUSKAN SEMULA PERMOHONAN YANG TAMAT TEMPOH JADUAL 5A BAGI KELULUSAN TANAH DI BAWAH DASAR TANAH HARAM

1. TUJUAN:

Arahan ini bertujuan menerangkan pemberian kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan semula permohonan yang tamat tempoh Jadual 5A bagi kelulusan tanah di bawah Dasar Tanah Haram sahaja.

2. LATARBELAKANG:

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam sidangnyanya Kali Yang Ketiga Tahun 1996 pada 24 Januari 1996 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

“ Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan semula permohonan yang tamat tempoh Jadual 5A bagi kelulusan tanah di bawah Dasar Tanah Haram sahaja dengan syarat harga tanah dan lain-lain bayaran yang ditetapkan oleh MMKN dikekalkan dengan syarat asal ”.

- 2.2. Permohonan-permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang tamat tempoh Jadual 5A sebelum ini adalah diproses menurut ketetapan butiran (x) dan (xii) Warta Kerajaan Terengganu GN. 329/75 dan seterusnya bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan ditentukan semula bayaran dan syarat-syaratnya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3. **KUASA DAN PEMEROSSESAN PERMOHONAN:**

- 3.1. Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mematuhi dan mengambil tindakan memproses semula mana-mana permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang luput Jadual 5A selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 24 Januari 1996.
- 3.2. Walau bagaimanapun, pemberian kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada Pentadbir Tanah Daerah tersebut hendaklah mematuhi perwakilan kuasa-kuasa di bawah Tr.P.U. 16 bertarikh 13 Mac 1986 Bahagian B-I.2 (1).

4. **TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diguna pakai dan berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan mana-mana permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang luput Jadual 5A yang belum dibuat keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah diproses menurut keputusan di para 2.1 di atas.

Sekian.

“ KUALITI TERAS KEJAYAAN ”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' RAKNA BIJAYA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Edaran kepada:

1. Pentadbir Tanah, Besut.
2. Pentadbir Tanah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah, Marang.
7. Pentadbir Tanah, Setiu.

s.k

1. Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Setiausaha Dewan Undangan Negeri, Terengganu.
3. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.
4. Semua Timbalan/Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
5. Fail Timbul.

PTG.TR.G/05/1988/06/02 - (50)

Bertarikh : 10 Februari 1996.

Bersamaan : 20 Ramadan 1416.



MBM/rar.
(arah396).disk 2A